



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESEDIAAN PELAJAR MENGAPLIKASI KEMUDAHAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) DALAM
PEMBELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN**

VANI A/P TANGGAMANI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Tandatangan

VANI A/P TANGGAMANI

20041000350

06.04.2006





PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada tuhan kerana berkesempatan menyiapkan kertas projek untuk dikemukakan kepada Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Pendidikan (Perakaunan). Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakam dan tujuhan kepada penyelia kertas projek saya, En. Ibrahim Tamby Chek kerana kesanggupan beliau mencurahkan bakti di dalam memberikan teguran dan kritikan yang membina, pemeriksaan serta penelitian ke atas hasil kajian ini tanpa mengira waktu dan ketika sejak dari awal hinggalah kertas projek ini dapat disempurnakan. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada Prof. Dr. Osman Rani Hassan atas bimbingan dan tunjuk ajar beliau. Juga dirakamkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan Jabatan Perakaunan yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bantuan.

Kepada kedua ibu bapa tercinta, En. V. Tangamani dan Pn. N. Valliamah dan keluarga tersayang, Kak Devi, Kak Selvi, adik Thinesh, Shareni dan Pranesh, yang memberi kepercayaan, sanggup berkorban dan bersabar serta sentiasa memberi semangat dan kekuatan sepanjang tempoh pengajian di UPSI. Kepada rakan-rakan seperjuangan, Kak Salina, Kak Julina, Kak Syam, Kak Intan dan lain-lain, sekalung budi setinggi harapan buat semua kalian yang telah banyak memberi kerjasama, perangsang dan dorongan serta sudi mendengar keluh kesah dan rintihan saya dalam menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali dirakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah banyak memberikan bantuan dari segi mental dan juga spiritual dalam menyiapkan kajian ini. Semoga tuhan dapat membalas jasa dan budi yang diberikan.





Abstrak

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menukar secara besar-besaran cara pelajar menimba, mengguna dan menyampaikan ilmu pengetahuan. Dengan sendirinya ini membolehkan pelajar bersedia untuk bersaing secara global. Namun, timbul persoalan khusus untuk sistem pendidikan di Malaysia hari ini iaitu apakah sikap dan penerimaan pelajar terhadap kemudahan ICT? Kajian ini dijalankan dengan memberi perhatian khusus kepada ICT dengan melihat kesediaan pelajar mengaplikasi kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan pendekatan pengumpulan data secara kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada 184 orang pelajar tingkatan empat, kelas Prinsip Perakaunan di lapan buah sekolah menengah terpilih di daerah Alor Gajah, Melaka. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan lebih 70% pelajar telah tersedia menghadapi era ICT dan menunjukkan sikap yang positif terhadap kemudahan ICT serta yakin akan penggunaannya sebagai alat komunikasi dan ilmu pengetahuan dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan tetapi ini tidak sejajar dengan pengetahuan dan kemahiran ICT mereka yang masih pada tahap yang rendah. Justeru itu, dapat dirumuskan bahawa peranan guru dan ibu bapa adalah penting ke arah meningkatkan kesediaan pelajar mengaplikasi kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.





Abstract

ICT skills bring tremendous changes in learning, application and distribution of knowledge among students. This would instill confidence in them to compete globally. But, question arose especially related to the Malaysian Education system nowadays that was to what extent the students prepared themselves to apply ICT facilities? This survey was conducted with emphasis on ICT in the subject of Principle of Accounting to reveal the students readiness in applying ICT facilities in learning Principle of Accounting. The study used survey method. Data is collected quantitatively through the distribution of questionnaires to 184 Form Four Accounting students that were selected from eight secondary schools in the district of Alor Gajah, Melaka. In nutshell, the study reveals that more than 70% of students were ready to face the ICT era and have positive attitudes towards ICT and also feel confident on the usage of ICT as a communication tool and source of information in learning Principle of Accounting. However, this does not align with those with low ICT knowledge and skills. Hence, it can be concluded that the role of teachers and parents are vital to increase the students' readiness to apply ICT facilities in learning Principle of Accounting.



KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	viii

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Hipotesis Kajian	8
1.7	Kepentingan Kajian	9
1.8	Batasan Kajian	11
1.9	Definisi Istilah	11
1.9.1	Kesediaan Pelajar	11

1.9.2	Mengaplikasi	12
1.9.3	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	12
1.9.4	Pembelajaran	13

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Kerangka Konseptual Teknologi Teras Pendidikan	15
2.3	Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan	16
2.4	ICT Dalam Pembelajaran Prinsip Perakaunan	17
2.5	Kesediaan Pelajar Mengaplikasi Kemudahan ICT	
	Dalam Pembelajaran Prinsip Perakaunan	23
2.5.1	Keyakinan Diri dan Sikap Terhadap ICT	26
2.5.2	Status Pengetahuan dan Kemahiran ICT	31
2.5.3	Pola Penggunaan ICT	38
2.5.4	Pandangan Terhadap ICT Dalam Pembelajaran	
	Prinsip Perakaunan	46
2.6	Kesimpulan	51

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Reka Bentuk Kajian	53
3.2	Kerangka Konseptual	54
3.3	Tempat Kajian	55
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	55



3.5	Instrumen Kajian	57
3.5.1	Soal selidik	57
3.6	Kajian Rintis	58
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Ukur	59
3.7.1	Kesahan	60
3.7.2	Kebolehpercayaan Alat Ukur	61
3.8	Prosedur Kajian	62
3.9	Pengumpulan Data	63
3.10	Penganalisan Data	64
3.10.1	Pemilihan Alat Statistik Ujian	64

BAB IV DAPATAN KAJIAN



4.1	Pengenalan	66
4.2	Latar Belakang Responden	
4.2.1	Jantina	67
4.2.2	Kaum	68
4.2.3	Pekerjaan Bapa	68
4.2.4	Pendapatan Keluarga	69
4.2.5	Kemudahan Komputer Di Rumah	70
4.2.6	Kemudahan Internet Di Rumah	70
4.3	Persoalan Pertama : Apakah Jenis-jenis Dimensi Kesiediaan Responden Mengaplikasi Kemudahan ICT Dalam Pembelajaran Prinsip Perakaunan ?	
4.3.1	Keyakinan Diri Dan Sikap Terhadap ICT	71



4.3.2	Status Pengetahuan Dan Kemahiran ICT	72
4.3.3	Pola Penggunaan ICT	74
4.3.4	Pandangan Terhadap ICT Dalam Pembelajaran	
	Prinsip Perakaunan	76
4.4	Hasil Pengujian Hipotesis	78
4.4.1	Persoalan Kedua : Adakah Terdapat Perbezaan	
	Keyakinan Diri Dan Sikap Terhadap ICT	
	Berdasarkan Jantina, Kaum Dan Kemudahan Komputer	
	Di Rumah?	78
4.4.2	Persoalan Ketiga : Adakah Terdapat Perbezaan	
	Status Pengetahuan dan Kemahiran ICT Berdasarkan	
	Jantina, Pendapatan Keluarga Dan Kemudahan Komputer	
	Di Rumah?	81
4.4.3	Persoalan Keempat : Adakah Terdapat Perbezaan Pola	
	Penggunaan ICT Berdasarkan Pekerjaan Bapa Dan	
	Kemudahan Internet Di Rumah?	83
4.4.4	Persoalan Kelima : Adakah Terdapat Perbezaan	
	Pandangan Terhadap ICT Dalam Pembelajaran Prinsip	
	Perakaunan Berdasarkan Kaum Dan Kemudahan	
	Internet Di Rumah?	84
4.5	Rumusan	86

BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	90
-----	------------	----

5.2	Perbincangan	
5.2.1	Latar Belakang Responden	92
5.2.2	Keyakinan Diri dan Sikap Terhadap ICT	94
5.2.3	Status Pengetahuan dan Kemahiran ICT	96
5.2.4	Pola Penggunaan ICT	98
5.2.5	Pandangan Terhadap ICT Dalam Pembelajaran	
	Prinsip Perakaunan	100
5.3	Cadangan Untuk Meningkatkan Kesyediaan Pelajar	
	Mengaplikasi Kemudahan ICT Dalam Pembelajaran	
	Prinsip Perakaunan	
5.3.1	Peranan Guru	102
5.3.2	Peranan Ibu Bapa	104
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	105
5.5	Kesimpulan	106
	RUJUKAN	109
	LAMPIRAN	



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 <i>Chip Bruce's Taxonomy of Educational Teaching Applications</i>	17
3.1 Pekali Alpha Cronbach	59
3.2 Kebolehpercayaan Item Dimensi	62
3.3 Alat Ujian Yang Akan Digunakan	65
4.1 Taburan Responden Berdasarkan Jantina	68
4.2 Taburan Responden Berdasarkan Kaum	68
4.3 Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan Bapa	69
4.4 Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Keluarga	69
4.5 Taburan Responden Berdasarkan Kemudahan Komputer Di Rumah	70
4.6 Taburan Responden Berdasarkan Kemudahan Internet Di Rumah	71
4.7 Kekerapan Dan Peratusan Keyakinan Diri Dan Sikap Pelajar Terhadap ICT	72
4.8 Kekerapan Dan Peratusan Status Pengetahuan dan Kemahiran ICT Pelajar	73
4.9 Kekerapan Dan Peratusan Pola Penggunaan ICT Oleh Pelajar	75
4.10 Kekerapan Dan Peratusan Pandangan Pelajar Terhadap ICT Dalam Pembelajaran Prinsip Perakaunan	77
4.11 Keputusan Analisis Ujian-t Perbezaan Keyakinan Diri dan Sikap Terhadap ICT Berdasarkan Jantina	78
4.12 Analisis Varian Sehala Perbezaan Keyakinan Diri dan Sikap Terhadap ICT Berdasarkan Kaum	79



Jadual

Muka surat

4.12i	Ujian Post-Hoc Tukey Bagi Keyakinan Diri Dan Sikap Terhadap ICT Berdasarkan Kaum	79
4.13	Keputusan Analisis Ujian-t Perbezaan Keyakinan Diri Dan Sikap Terhadap ICT Berdasarkan Kemudahan Komputer Di Rumah	80
4.14	Keputusan Analisis Ujian-t Perbezaan Status Pengetahuan Dan Kemahiran ICT Berdasarkan Jantina	81
4.15	Analisis Varian Sehala Perbezaan Status Pengetahuan Dan Kemahiran ICT Berdasarkan Pendapatan Keluarga	82
4.16	Keputusan Analisis Ujian-t Perbezaan Status Pengetahuan Dan Kemahiran ICT Berdasarkan Kemudahan Komputer Di Rumah	83
4.17	Analisis Varian Sehala Perbezaan Pola Penggunaan ICT Berdasarkan Pekerjaan Bapa	83
4.18	Keputusan Analisis Ujian-t Perbezaan Pola Penggunaan ICT Berdasarkan Kemudahan Internet Di Rumah	84
4.19	Analisis Varian Sehala Perbezaan Pandangan Terhadap ICT Dalam Pembelajaran Prinsip Perakaunan Berdasarkan Kaum	85
4.20	Keputusan Analisis Ujian-t Perbezaan Pandangan Terhadap ICT Dalam Pembelajaran Prinsip Perakaunan Berdasarkan Kemudahan Internet Di Rumah	86
4.21	Rumusan Hasil Kajian	88



SENARAI RAJAH

Rajah

Muka surat

2.1	Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Dari Segi Input-Transformasi-Output	16
3.1	Kerangka Konseptual	54





BAB I

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Masyarakat Malaysia di abad ke-21 merupakan masyarakat yang hidup dalam era globalisasi yang berorientasikan sains dan teknologi. Masyarakat sangat bergantung kepada penggunaan sains dan teknologi dalam semua aspek kehidupan. Pembaharuan dan penggunaan unsur-unsur kreatif sangat penting dalam amalan hidup seharian. Penggerak utama kemajuan dan pembaharuan ini ialah ilmu pengetahuan dan penyebarannya menerusi teknologi maklumat dan komunikasi atau *information technology and communication* (ICT). Oleh kerana kuatnya pergantungan kepada teknologi maklumat itu, maka abad ke-21, dicirikan sebagai abad teknologi maklumat dan komunikasi (Robiah Sidin & Nor Sakinah Mohamad, 2004).





Kenyataan ‘ilmu pengetahuan era kini tidak diberi tetapi diterokai’ menjadi lebih relevan dengan perubahan arus pendidikan kepada suasana pembelajaran era globalisasi. Pembelajaran secara penerokaan sendiri di Malaysia masih lagi baru, tambahan pula ia berasaskan teknologi maklumat yang begitu pantas berubah. Oleh itu, pandangan kebiasaan mereka yang mencintai dunia pendidikan juga harus berubah dan beredar mengikut perkembangan canggih ini. Perkembangan teknologi tinggi kini memungkinkan informasi bergerak tanpa had dan sempadan. Segalanya boleh didapati dengan segera dan pantas melalui media elektronik. Kemajuan canggih yang mampu menjimatkan masa dan penggunaan tenaga malah memudahkan pemindahan dan transformasi maklumat ini, bergerak dan berlaku dalam ruang siber atau maya yang tiada lokasinya, kini semakin menjadi realiti dalam dunia pendidikan di Malaysia (Azwan Abidin, 2002).



Oleh yang demikian, ICT sudah menjadi kemudahan asas yang melengkapi setiap sekolah kebelakangan ini. Peranannya penting dan mempunyai pengaruh besar terhadap perkembangan pendidikan, terutama dalam membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan sekolah sudah pun memiliki infrastruktur berteknologi tinggi sejajar dengan perkembangan IT, termasuk kemudahan akses kepada maklumat dan sumber pengetahuan. Jelas sekali pendidikan sekarang berada dalam era transisi, iaitu daripada fasa melengkapkan sekolah-sekolah dengan peralatan teknologi komputer kepada era yang lebih dinamik melibatkan proses implementasi yang lebih berkesan. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam pendidikan untuk memastikan proses implementasi teknologi komputer ini berjaya. Isu-isu dan masalah yang dihadapi harus ditangani secara objektif supaya teknologi komputer boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua warga sekolah.





1.2 Latar Belakang Masalah

Penggunaan komputer sebagai alat penyebaran maklumat dan juga sebagai alat bantuan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih canggih apabila diperkenalkan teknologi komunikasi yang disepadukan dengan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Corak P&P yang dahulunya lebih berpusatkan guru kini berubah kepada corak berpusatkan pelajar, lebih-lebih lagi setelah wujudnya projek rintis sekolah bestari yang mengaplikasikan ICT dalam sistem pengurusan sekolah dan bahan P&P.

Menurut Abu Sufian Abu Bakar & Rizaudin Sahlan (2001), tidak dapat dipertikaikan juga bahawa untuk berada di dunia yang telah mula didominasi oleh kehidupan cara ICT, setiap pelajar perlu mencapai kompetensi. Ini bertujuan untuk memastikan mereka mempunyai kemahiran berfikir secara kritis, menyelesaikan masalah dan berupaya membuat analisis, interpretasi, menilai dan bersedia mengapikasi kemudahan ICT dalam pembelajaran. Bagi memastikan ia tercapai secara berkesan, pelajar mesti mendapat kemahiran pelbagai bidang merentasi kurikulum. Pelaksanaan ke arah itu memerlukan perubahan dalam amalan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Contohnya kolaborasi antara guru daripada pelbagai disiplin ilmu perlu dipertingkatkan lagi. Oleh itu, internet seharusnya dimanfaatkan sebagai salah satu kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan dan bukannya sebagai perantara.

Ini adalah kerana kemudahan ICT dalam Prinsip Perakaunan meningkatkan pembelajaran secara memenuhi gaya pembelajaran individu, membolehkan pelajar mengaitkan pengetahuan dan analisis, menerangkan dan menggunakan pengetahuan





kepada aplikasi yang praktikal, membuat keputusan dan bekerjasama. Kemudahan internet dilihat sebagai mempunyai potensi untuk mencapai cabaran ini kerana ia boleh dijadikan saluran pelaksanaan bercorak individu. Pembelajaran secara konstruktif yang menekankan perolehan makna kepada individu dan aplikasi pengetahuan membuatkan peningkatan penglibatan pelajar dan cara belajar (Rusmono & Bambang Suharmantri, 2002).

Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan pembelajaran Prinsip Perakaunan berasaskan komputer dan ICT, tidak kurang juga yang menyatakan kelemahan dan kekangannya. Pendidikan Berbantuan Jejaring (Web-based Instruction), yang dihasilkan adalah kurang memuaskan dari segi rekabentuk. Kebanyakannya hanya menggunakan internet sebagai media untuk paparan nota-nota syarahan (Duchastel, 1997) serta mengandungi aktiviti yang berfokus pada pencarian dan pengolahan maklumat sahaja (Surge & Kobus, 1997). Terdapat kemungkinan bahawa tidak ramai pelajar yang bersedia untuk memanfaatkan internet sebagai satu kemudahan yang menyediakan akses kepada pelbagai maklumat yang dapat membantu memantapkan bahan pembelajaran.

Oleh itu dalam pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan, aplikasi ICT bukanlah perkara mustahil yang sangat sukar untuk dilaksanakan kerana guru boleh memilih mod penyampaian yang dikehendaki. Kegagalan atau kejayaan pendidikan era maklumat ini bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh guru (Mohd Safarin Nordin, 2001). Walau bagaimanapun, kebijaksanaan, kesungguhan, persediaan dan semangat yang kuat amat perlu bagi seseorang pelajar untuk merancang dan mengaplikasi kemudahan ICT agar dapat memastikan kejayaannya





selari dengan era globalisasi sebagaimana yang dinyatakan oleh Seguin & Seguin (1995), bahawa pendekatan dan penggunaan internet dalam aktiviti pembelajaran bergantung kepada komitmen dan kreativiti pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Pada tahun 2003, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dasar baru ini sudah tentu akan merancakkan lagi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam dunia pendidikan di mana sebanyak 5 bilion ringgit telah diperuntukkan untuk melaksanakan P&P Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris secara sepenuhnya. Ini termasuk membekalkan alat ICT di sekolah seperti komputer *notebook*, projektor LCD, layar putih dan pembesar suara. Malah, pelajar-pelajar juga dibekalkan dengan pelbagai peralatan sampingan seperti cakera padat dan buku lembaran aktiviti yang boleh dibawa pulang bagi memastikan mereka benar-benar mendapat manfaat daripada pelaksanaan program pendidikan ini (Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, 2002).

Ini menunjukkan Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperluaskan penggunaan ICT di sekolah dan di institusi pendidikan tinggi. Ini bermula dengan memperkenalkan subjek-subjek berkaitan seperti Pengkomputeran dan Teknologi Maklumat untuk pelajar di peringkat menengah dan mendirikan Sekolah Bestari untuk mendedahkan pelajar-pelajar dari peringkat rendah lagi kepada komputer yang digunakan untuk proses mengajar dan belajar. Maka boleh disimpulkan bahawa





kerajaan Malaysia hari ini memberi keutamaan untuk membentuk generasi pelajar bermaklumat dan berilmu menerusi penggunaan ICT secara meluas dan menyeluruh.

Namun usaha kerajaan ini tidak akan berjaya jika generasi pelajar tidak bersedia untuk mengaplikasi kemudahan ICT dalam pembelajaran. Pengalaman di negara maju menunjukkan bahawa terdapat empat keperluan yang perlu ada jika kerajaan ingin meningkatkan pendedahan dan penerimaan masyarakat kepada teknologi maklumat dan komunikasi. Keperluan itu ialah sikap individu mestilah positif dan bersedia untuk berubah, prasarana komputer dan rangkaian komunikasi mestilah lengkap dan mencukupi, tenaga yang terlibat untuk memperkenalkan dan memperluaskan teknologi maklumat mestilah mahir dan wang mestilah mencukupi untuk menggerakkan semuanya itu (Robiah Sidin dan Nor Sakinah Mohamad, 2004).



Menyedari hakikat ini, sewajarnya pengaplikasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam kurikulum sebenarnya bukan hanya bergantung kepada keupayaan dan kemahiran guru sahaja. Sebaliknya, komitmen dan persediaan pelajar adalah amat penting untuk memanfaatkan kemudahan ICT sebagai alat untuk memproses dan mengakses maklumat serta menjadikan pembelajaran di dalam kelas lebih menarik dan efisien.

Oleh itu, cabaran masa kini dan akan datang dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan bukan sahaja penyediaan prasarana komputer yang lengkap untuk kaedah pengajaran dan pembelajaran atau pun kemahiran ICT guru tetapi juga kesediaan pelajar untuk mengaplikasi kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.





Memandangkan belum ada kajian khusus yang mengkaji tentang kesediaan pelajar untuk mengaplikasi kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan, maka kajian ini dijalankan untuk meninjau kesediaan pelajar mengaplikasi kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan. Dalam kajian ini, empat dimensi digunakan untuk mengumpul data dan maklumat tentang kesediaan pelajar mengaplikasi kemudahan ICT iaitu keyakinan diri dan sikap terhadap ICT, status pengetahuan dan kemahiran ICT, pola penggunaan ICT, dan pandangan pelajar terhadap ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesediaan pelajar mengaplikasi kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk :

- i. Melihat keyakinan diri dan sikap pelajar terhadap kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.
- ii. Meninjau status pengetahuan dan kemahiran ICT pelajar.
- iii. Melihat pola penggunaan ICT oleh pelajar dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.
- iv. Meninjau pandangan pelajar terhadap ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba meninjau secara mendalam sejauhmana kesediaan pelajar mengaplikasi kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan di sekolah -



sekolah menengah daerah Alor Gajah, Melaka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut :

- i. Apakah jenis-jenis dimensi kesediaan responden terhadap kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan?
- ii. Adakah terdapat perbezaan keyakinan diri dan sikap terhadap ICT berdasarkan jantina, kaum dan kemudahan komputer di rumah?
- iii. Adakah terdapat perbezaan status pengetahuan dan kemahiran ICT berdasarkan jantina, pendapatan keluarga dan kemudahan komputer di rumah?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pola penggunaan ICT berdasarkan pekerjaan bapa dan kemudahan internet di rumah?
- v. Adakah terdapat perbezaan pandangan terhadap ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan berdasarkan kaum dan kemudahan internet di rumah?



1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis kajian dalam kajian ini ialah :-

- Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan keyakinan diri dan sikap terhadap ICT yang signifikan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan keyakinan diri dan sikap terhadap ICT yang signifikan berdasarkan kaum.
- Ho 3 : Tidak terdapat perbezaan keyakinan diri dan sikap terhadap ICT yang signifikan di antara pelajar yang mempunyai kemudahan komputer di rumah dengan pelajar yang tidak mempunyai kemudahan komputer di rumah.



- Ho 4 : Tidak terdapat perbezaan status pengetahuan dan kemahiran ICT yang signifikan di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan.
- Ho 5 : Tidak terdapat perbezaan status pengetahuan dan kemahiran ICT yang signifikan berdasarkan pendapatan keluarga.
- Ho 6 : Tidak terdapat perbezaan status pengetahuan dan kemahiran ICT yang signifikan di antara pelajar yang mempunyai kemudahan komputer di rumah dengan pelajar yang tidak mempunyai kemudahan komputer di rumah.
- Ho 7 : Tidak terdapat perbezaan pola penggunaan ICT yang signifikan berdasarkan pekerjaan bapa.
- Ho 8 : Tidak terdapat perbezaan pola penggunaan ICT yang signifikan di antara antara pelajar yang mempunyai kemudahan internet di rumah dengan pelajar yang tidak mempunyai kemudahan internet di rumah
- Ho 9 : Tidak terdapat perbezaan pandangan terhadap ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan yang signifikan berdasarkan kaum.
- Ho 10 : Tidak terdapat perbezaan pandangan terhadap ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan yang signifikan di antara pelajar yang mempunyai kemudahan internet di rumah dengan pelajar yang tidak mempunyai kemudahan internet di rumah.

1.7 Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini adalah diharapkan dapat mewujudkan peningkatan kesediaan di kalangan pelajar untuk mengaplikasikan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan. Ini kerana penerimaan



dan kesediaan positif oleh pelajar terhadap ICT membolehkan proses pembelajaran Prinsip Perakaunan dapat dijalankan dengan lebih mudah, menarik dan berkesan. Selain itu, dapatan kajian ini juga diharap akan meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar dan pengetahuan am serta isu-isu semasa dalam pendidikan perakaunan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga dipercayai berguna dan dapat memberikan maklumat kepada guru tentang penerimaan pelajar terhadap ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan serta ia merupakan cabaran baru kepada para guru juga. Ini kerana guru juga perlu bersedia menerima hakikat perubahan pendekatan pedagogi daripada amalan secara sehala kepada pendekatan membimbing dalam pembelajaran.



Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu pihak-pihak tertentu seperti Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Melaka untuk mewujudkan persekitaran ICT yang dapat memberi sumbangan ke arah kecemerlangan akademik serta menyelaraskan perancangan pengkomputeran secara menyeluruh dan bersepadu di semua sekolah supaya dapat mengeluarkan inovasi-inovasi yang berkaitan dengan ICT dan sejajar dengan visi dan misi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Untuk KPM pula adalah dicadangkan agar meneliti maklumat-maklumat yang diperoleh dalam kajian ini terutama maklumat yang berkaitan dengan pandangan dan penerimaan pelajar terhadap kemudahan ICT dalam pembelajaran di sekolah. Maklumat-maklumat ini sangat berguna terutama dalam mengubal dasar-dasar yang berkaitan dengan pendidikan negara.





Rentetan daripada itu, kajian ini juga diharap menjadi asas kepada pelajar sarjana yang lain untuk meneruskan kajian seperti ini. Kajian di peringkat sarjana tentang kesediaan dan penerimaan pelajar terhadap kemudahan ICT dalam pembelajaran adalah masih kurang pada masa kini. Adalah diharapkan kajian ini akan menjadi pemangkin dan diperluaskan lagi supaya kajian ini mencapai ke peringkat global dalam usaha untuk meningkatkan pendedahan, persediaan dan penerimaan pelajar terhadap kemudahan ICT.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar-pelajar tingkatan empat sastera, kelas Prinsip Perakaunan di lapan buah sekolah menengah daerah Alor Gajah, Melaka. Ketepatan kajian banyak bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan para responden menjawab borang soal-selidik yang diberikan kepada mereka.



Perkara-perkara yang disoal dalam borang soal selidik adalah terdiri dari item-item yang terlalu terhad dan tidak mungkin merangkumi semua aspek yang boleh mengkaji kesediaan responden mengaplikasi kemudahan ICT dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Kesediaan Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1996), kesediaan bermaksud perihal sedia, kesanggupan dan kerelaan manakala pelajar pula bermaksud orang yang





belajar atau menuntut ilmu. Dalam konteks kajian ini, kesediaan pelajar merangkumi sejauh mana kesanggupan pelajar untuk mengaplikasi kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pembelajaran Prinsip Perakaunan.

1.9.2 Mengaplikasi

Kamus Dewan (1996), menyatakan definisi mengaplikasi adalah perihal menggunakan sesuatu. Mengaplikasi di sini merujuk kepada menggunakan secara sepenuhnya.

1.9.3 Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Menurut Kamus Dewan (1996), teknologi ialah suatu sistem bagi memudahkan manusia memenuhi keperluannya dan maklumat ialah data yang tersusun. Manakala komunikasi pula ialah suatu sistem bagi memudahkan manusia memenuhi keperluannya.

Dalam konteks kajian ini, komunikasi adalah perbuatan berhubungan antara manusia dan budaya, tapi telah melalui dimensi baru setelah dirangkaikan dengan terma 'maklumat' dan 'teknologi'. Teknologi pula boleh dibahagikan kepada dua iaitu teknologi komputer seperti modul kursus berasaskan komputer, penilaian komputer, perisian pemprosesan kata, grafik, lembaran kerja, pangkalan data dan persembahan. Satu lagi pula ialah perisian telekomunikasi yang menawarkan pendidikan jarak jauh, penyebaran sumber dalam pendidikan, *email*, konferen video, paparan buletin dan *chatting* (Mustaffa & Rusli, 2006).





1.9.4 Pembelajaran

Menurut Mustaffa & Rusli (2006), pembelajaran ialah proses menerima ilmu atau maklumat daripada individu yang menyampaikan maklumat. Oleh itu, pembelajaran bermaksud proses menimba maklumat daripada pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah. Dalam kajian ini ianya merujuk kepada pembelajaran Prinsip Perakaunan.

